

D.R. 3/2006

**RANG UNDANG-UNDANG AKADEMI SENI
BUDAYA WARISAN KEBANGSAAN
2006**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

3. Penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
4. Ketidapkakaian Akta 30, Akta 550 dan Akta 555
5. Kuasa Akademi
6. Fakulti, Jabatan atau Pusat
7. Penjalanan pengajian, bersama-sama, dsb., dengan mana-mana Universiti, dsb.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN KUASA LEMBAGA PENGARAH

8. Lembaga Pengarah
9. Kuasa dan fungsi Lembaga
10. Perwakilan kuasa dan fungsi Lembaga
11. Jawatankuasa Lembaga
12. Lembaga Pengajian

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN IV

PEGAWAI DAN KAKITANGAN AKADEMI YANG LAIN

Fasal

13. Pelantikan, kuasa dan kewajipan Rektor dan Timbalan Rektor
14. Pendaftar
15. Bendahari
16. Pelantikan kakitangan lain

BAHAGIAN V PERUNTUKAN YANG

BERHUBUNGAN DENGAN PELAJAR

17. Tatatertib pelajar Akademi
18. Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
19. Penubuhan badan pelajar lain
20. Pembubaran JPP atau badan pelajar yang lain
21. Larangan penyekutuan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dengan persatuan, dsb. kecuali jika diluluskan oleh Menteri
22. Larangan pemungutan wang oleh pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
23. Liabiliti jenayah pemegang jawatan, dsb., pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
24. Anggapan
25. Penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan jenayah atau yang terhadapnya kesalahan jenayah dibuktikan
26. Kuasa Lembaga untuk menggantung atau membuang pelajar daripada Akademi

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

27. Penubuhan Kumpulan Wang
28. Pemeliharaan Kumpulan Wang
29. Kuasa untuk melabur
30. Anggaran tahunan
31. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
32. Pengenaan surcaj

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

BAHAGIAN VII AM

Fasal

33. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
34. Kuasa Menteri untuk mewakilkan
35. Konvokesyen
36. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
37. Pekhidmat awam
38. Obligasi menyimpan rahsia
39. Prosiding sivil
40. Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati
41. Penyampaian
42. Kuasa Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah
43. Pindaan Jadual

BAHAGIAN VIII

PERALIHAN

44. Pembatalan pendaftaran Akademi Seni Kebangsaan
45. Pemindahan kuasa, hak, kewajipan, dsb.
46. Pemindahmilikan harta
47. Kontrak sedia ada
48. Penerusan prosiding sivil dan jenayah
49. Pemindahan wang
50. Penerusan pegawai dan kakitangan
51. Pelajar
52. Prosiding tatatertib yang belum selesai

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akademi" ertinya Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 8;

"Lembaga Pengajian" ertinya Lembaga Pengajian Akademi yang ditubuhkan di bawah seksyen 12;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga;

"Rektor" ertinya Rektor Akademi yang dilantik di bawah seksyen 13 sebagai ketuapegawai eksekutif Akademi dan "Timbalan Rektor" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

BAHAGIAN II

AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

Penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu akademi yang dikenali sebagai "Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan" (kemudian daripada ini disebut sebagai "Akademi").

(2) Akademi hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun, dan dengan kuasa penuh dan autoriti di bawah nama sedemikian itu—

- (a) untuk membawa guaman dan dibawa guaman;
- (b) untuk mempunyai dan menggunakan meterai perbadanan dan dari semasa ke semasa untuk memecah, menukar, mengubah atau membuat meterai baru sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (c) untuk membuat kontrak, untuk memperoleh, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih, termasuk apa-apa harta yang mungkin menjadi terletak hak padanya melalui pembelian, atau melalui apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;
- (d) untuk memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menjual, menggadai janji, memajakkan, menukarkan, mendemiskan, menyerahhakkan

semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa jenis harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Akademi, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut;

- (e) untuk menjalankan, melaksanakan dan menunaikan, mengikut peruntukan Akta ini, semua kuasa, fungsi dan kewajipan yang diberikan, diperuntukkan atau dikenakan ke atas Akademi oleh peruntukan itu.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, Akademi boleh mengadakan pengajian, kursus dan latihan dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan yang secara khususnya termasuk seni halus, sinematografi atau penggambaran, koreografi, drama, lakonan pentas atau sinematik, pengurusan pentas, fotografi, reka bentuk, kesenian kreatif, tarian, penulisan kreatif, lakon layar, penulisan skrip, pengarkiban atau subjek yang berkaitan dengan arkib, sains perpustakaan atau subjek berkaitan dengan perpustakaan, subjek muzium, produksi televisyen atau media elektronik, muzik dan pengajian, kursus atau latihan lain seumpamanya sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketidakpakaian Akta 30, Akta 550 dan Akta 555

4. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] tidak terpakai bagi Akademi.

Kuasa Akademi

5. (1) Akademi hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk menyediakan kursus pengajian, untuk membuat peruntukan bagi penyelidikan, untuk mengadakan peperiksaan dan untuk mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang ternyata perlu atau diingini bagi pendidikan dan latihan dalam bidang yang dinyatakan di bawah subseksyen 3(3) atau sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa;

Rang Undang-Undang

- (b) untuk memberikan kelayakan atau award akademik dan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, diploma, sijil dan kepujian akademik lain kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan oleh Akademi dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (c) untuk memberikan award kepada orang yang telah menyumbang kepada pemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberikan khidmat awam yang cemerlang sebagaimana yang disyorkan oleh Lembaga dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan;
- (d) untuk menentukan dan menetapkan kelayakan bagi maksud penerimaan ke kursus pengajian dan peperiksaan Akademi;
- (e) untuk mengadakan jawatan bagi maksud akademik dan latihan, jawatan pensyarah, dan jawatan dan pekerjaan lain, dan membuat pelantikan baginya;
- (f) untuk mengawardkan pengiktirafan, pingat, hadiah dan lain-lain jenis kepujian atau bantuan berkenaan dengan pelajaran dan latihan yang disediakan oleh atau dalam Akademi;
- (g) untuk membuat kontrak dan melantik mana-mana kakitangan sama ada tempatan atau dari negara asing, atas terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Akademi;
- (h) untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada kakitangan Akademi dalam memburu kecemerlangan akademik;
- (i) untuk memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
- (j) untuk menjalankan penyelidikan dan produksi bagi promosi dan penggunaan dapatan penyelidikan Akademi secara berkesan;
- (k) untuk memasarkan dan memfrancais perkhidmatan, dapatan penyelidikan, dan produk Akademi;
- (l) untuk menuntut dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang dari semasa ke semasa ditentukan oleh Lembaga, atau sebagaimana yang ditetapkan;

- (m) untuk melakukan apa-apa perbuatan dan perkara, sama ada bersampingan atau tidak dengan kuasa yang disebut sebelumnya, sebagaimana yang diperlukan untuk menambah, melengkap, memperbaiki atau memenuhi objektif Akademi.

Fakulti, Jabatan atau Pusat

6. (1) Akademi boleh menubuhkan fakulti, jabatan atau pusat sebagaimana yang, dari semasa ke semasa, ditentukan oleh Lembaga, dan fakulti atau jabatan atau pusat sedemikian hendaklah mempunyai apa-apa nama sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(2) Sesuatu fakulti, jabatan atau pusat hendaklah diketuai oleh seorang yang dilantik oleh Rektor.

(3) Ketua sesuatu fakulti, jabatan atau pusat hendaklah bertanggungjawab kepada Rektor dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas yang diserahkan kepadanya oleh Rektor.

Penjalanan pengajian, secara bersama-sama, dsb., dengan mana-mana Universiti, dsb.

7. (1) Akademi boleh, dengan kelulusan bertulis terdahulu Menteri—

- (a) menjalankan apa-apa kursus pengajian bersesama atau bersama-sama, secara gabungan, usahasama atau secara francais atau selainnya, dengan mana-mana Universiti, Kolej Universiti, institusi pengajian tinggi, atau badan profesional, atau mana-mana pertubuhan, di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (b) menjalankan apa-apa kursus pengajian sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Kelulusan Menteri di bawah subseksyen (1) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri untuk ditentukan.

(3) Menteri tidak boleh memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1) kecuali dia berpuas hati bahawa Akademi telah membuat segala perkiraan yang perlu dengan Universiti, Kolej Universiti, institusi pengajian tinggi, atau badan profesional, atau pertubuhan berkaitan, mengenai penjalanan kursus pengajian itu.

(4) Dalam seksyen ini, "gabungan" termasuklah penjalanan program berkembar.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN KUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah

8. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pengarah Akademi yang akan dikenali sebagai Lembaga Pengarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) Rektor;
- (c) dua orang bagi mewakili Kerajaan;
- (d) tujuh orang yang pada pendapat Menteri mempunyai kelayakan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga dan kesejahteraan Akademi.

(3) Pelantikan anggota Lembaga, kecuali Rektor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila tamat tempoh tersebut, anggota Lembaga itu hendaklah layak untuk dilantik semula.

(4) Pelantikan mana-mana anggota boleh dibatalkan oleh Menteri pada bila-bila masa tanpa memberi alasan tentang pembatalan tersebut.

(5) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan fungsi Pengerusi—

- (a) jika Pengerusi tidak dapat, oleh sebab sakit, bercuti atau apa-apa sebab lain, untuk melaksanakan fungsinya; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(6) Seseorang anggota yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (5) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

(7) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(8) Lima anggota Lembaga hendaklah membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga.

(9) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(10) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Kuasa dan fungsi Lembaga

9. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan eksekutif Akademi dan boleh melaksanakan semua kuasa yang diberikan kepada Akademi, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya oleh Akta ini atau oleh mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah ini.

(2) Fungsi Lembaga hendaklah termasuk menjalankan segala aktiviti dan melakukan segala perkara yang perlu atau berfaedah dan wajar bagi kawalan dan pentadbiran Akademi.

Pewakilan kuasa dan fungsi Lembaga

10. Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana anggota atau mana-mana jawatankuasa anggotanya kuasa dan autoriti untuk menjalankan dan melaksanakan bagi pihaknya kuasa atau fungsi yang terletak hak pada Lembaga di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; dan kuasa atau fungsi yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh anggota atau jawatankuasa tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga, tetapi tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

Jawatankuasa Lembaga

11. (1) Bagi maksud untuk membolehkannya menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya, Lembaga boleh melantik apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau dikehendaki.

(2) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menimbang perkara yang disebut kepadanya oleh Lembaga dan membuat syor yang sesuai mengenainya kepada Lembaga.

(3) Pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Lembaga atau, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, oleh anggota jawatankuasa daripada kalangan mereka.

(4) Tertakluk kepada Akta ini, dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Lembaga dan Lembaga boleh, pada bila-bila masa, menghentikan, atau mengubah penubuhan jawatankuasa yang dilantik.

(6) Peruntukan dalam Jadual Pertama, kecuali perenggan 7, hendaklah terpakai bagi suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) sebagaimana ia terpakai bagi Lembaga.

(7) Dalam pemakaian Jadual Pertama bagi sesuatu jawatankuasa—

(a) sebutan kepada Lembaga hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada jawatankuasa; dan

(b) sebutan kepada Pengerusi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada pengerusi Jawatankuasa.

Lembaga Pengajian

12. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Pengajian Akademi untuk menasihati Lembaga tentang semua perkara akademik Akademi.

(2) Lembaga Pengajian hendaklah terdiri daripada—

(a) Rektor sebagai pengerusi;

(b) semua Timbalan Rektor;

(c) semua Ketua Fakulti, Jabatan atau Pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (d) tiga anggota kanan kakitangan akademik Akademi yang dilantik oleh Lembaga.
- (3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga Pengajian.
- (4) Pelantikan di bawah perenggan 2(d) hendaklah bagi suatu tempoh yang ditentukan dalam surat pelantikan.
- (5) Rektor boleh melantik mana-mana orang lain menjadi anggota Lembaga Pengajian atau untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengajian, tetapi orang yang dilantik itu tidak mempunyai hak mengundi.
- (6) Semasa ketidakhadiran Rektor, seorang Timbalan Rektor hendaklah menjadi pengerusi pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengajian.
- (7) Lembaga Pengajian hendaklah membuat syor kepada Lembaga tentang semua perkara yang berhubungan dengan —
- (a) kandungan dan penyusunan kursus pengajian yang diadakan di Akademi;
 - (b) kaedah pendidikan, pengajaran dan latihan yang dijalankan di Akademi;
 - (c) standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di Akademi;
 - (d) kurikulum dan kursus pengajian yang dijalankan di Akademi;
 - (e) kebolehlaksanaan atau selainnya tentang apa-apa cadangan berkenaan dengan mana-mana kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau yang akan dijalankan di Akademi;
 - (f) penentuan kelayakan yang diperlukan bagi penerimaan masuk ke mana-mana kursus pengajian yang diadakan di Akademi;
 - (g) cadangan bagi penubuhan apa-apa kursus pengajian baru yang hendak dijalankan atau pemberhentian mana-mana kursus pengajian sedia ada yang dijalankan di Akademi; dan
 - (h) pengurniaan penghormatan akademik, fellowship, kelayakan profesional, hadiah, biasiswa dan kepujian akademik lain.

(8) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (7) melainkan jika Lembaga Pengajian telah terlebih dahulu diberi peluang untuk merakam dan menyerahkan kepada Lembaga pendapatnya.

(9) Bagi maksud membolehkannya melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya, Lembaga Pengajian boleh melantik apa-apa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggotanya dan juga mana-mana orang yang dilantik sebagai anggota di bawah subseksyen (5), dengan syarat bahawa mana-mana orang yang dilantik itu tidak mempunyai hak mengundi.

(10) Lembaga Pengajian boleh mewakilkan mana-mana fungsi atau kewajipannya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya.

(11) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga Pengajian boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(12) Peruntukan dalam Jadual Pertama, kecuali perenggan 7, hendaklah terpakai bagi Lembaga Pengajian yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi Lembaga.

(13) Dalam pemakaian Jadual Pertama bagi Lembaga Pengajian —

- (a) sebutan kepada Lembaga hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Lembaga Pengajian; dan
- (b) sebutan kepada Pengerusi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada pengerusi Lembaga Pengajian.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI DAN KAKITANGAN AKADEMI YANG LAIN

Pelantikan, kuasa dan kewajipan Rektor dan Timbalan Rektor

13. (1) Maka hendaklah adaseorang Rektor yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Rektor tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2), terma jawatan dan syarat perkhidmatan lain Rektor hendaklah ditentukan oleh Menteri dan hendaklah mengikat Akademi.

(4) Rektor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif, pentadbiran dan akademik bagi Akademi.

(5) Adalah menjadi kewajipan Rektor untuk memastikan bahawa peruntukan Akta ini dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini dipatuhi, dan ia hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu bagi maksud ini.

(6) Rektor hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini, menjalankan pengawasan am ke atas perkiraan bagi pendidikan, pengajaran, latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan disiplin dalam Akademi, dan boleh menjalankan semua kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

(7) Maka hendaklah ada seorang atau lebih Timbalan Rektor yang akan dilantik oleh Menteri, selepas berunding dengan Rektor.

(8) Mana-mana orang yang sesuai dan wajar sama ada dari dalam atau luar Akademi boleh dilantik sebagai Timbalan Rektor, dan terma jawatan dan syarat perkhidmatan lain seorang Timbalan Rektor akan ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Rektor.

(9) Jika Rektor tidak berupaya, disebabkan sakit, cuti atau apa-apa sebab lain, menjalankan apa-apa fungsi jawatannya, Timbalan Rektor atau, jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Rektor, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi tersebut, dan sekiranya Timbalan Rektor atau semua Timbalan Rektor (jika terdapat lebih daripada seorang) tidak hadir atau tidak berupaya, Menteri hendaklah membuat apa-apa perkiraan sementara sebagaimana yang difikirkannya wajar bagi menjalankan fungsi tersebut.

(10) Timbalan Rektor yang dinamakan di bawah subseksyen (9) hendaklah memangku jawatan Rektor dalam masa mana-mana tempoh yang jawatan Rektor itu adalah kosong.

Pendaftar

14. (1) Akademi hendaklah mempunyai seorang Pendaftar yang raana hendaklah dilantik oleh Lembaga atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Pendaftar hendaklah menjadi pegawai utama pejabat pendaftaran Akademi dengan fungsi dan kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah arahan dan kawalan Rektor.

Bendahari

15. (1) Akademi hendaklah mempunyai seorang Bendahari yang hendaklah dilantik oleh Lembaga atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Bendahari hendaklah menjadi pegawai kewangan utama Akademi dengan fungsi dan kewajipan sebagaimana yang diserahkan kepadanya oleh Lembaga.

(3) Bendahari hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah arahan dan kawalan Rektor.

Pelantikan kakitangan lain

16. (1) Lembaga boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, mana-mana kakitangan lain termasuk kakitangan akademik yang sesuai sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud Akademi.

(2) Seseorang kakitangan yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan am Rektor.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PELAJAR

Tatatertib peiajar Akademi

17. (1) Rektor hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas tiap-tiap peiajar.

(2) Rektor hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 42.

(3) Rektor boleh mewakili mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsi tatatertibnya kepada Timbalan Rektor atau mana-mana anggota kakitangannya berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu, atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Akademi.

(4) Timbalan Rektor atau anggota kakitangan yang diwakili dengan kuasa, kewajipan atau fungsi tatatertib di bawah subseksyen (3) hendaklah menjalankan, menunaikan atau melaksanakannya di bawah arahan dan kawalan Rektor yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan Timbalan Rektor atau anggota kakitangan.

(5) Mana-mana pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan—

(a) Rektor; atau

(b) mana-mana orang yang diwakili dengan kuasa, kewajipan atau fungsi di bawah subseksyen (3),

boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dan Menteri boleh, jika difikirkannya patut, menolak rayuan itu.

(6) Jika Menteri tidak menolak rayuan itu di bawah subseksyen (5), beliau hendaklah melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada dua orang atau lebih, dari dalam atau luar Akademi, untuk menimbangkan rayuan itu dan mengemukakan syor kepadanya, dan, apabila syor itu diterima, Menteri boleh memberikan keputusan mengenai rayuan itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar

18. (1) Akademi hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ("JPP").

(2) Peruntukan dalam Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi **JPP**.

Penubuhan badan pelajar lain

19. (1) Walau apa pun seksyen 18, maka adalah sah bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar—

(a) dengan kelulusan bertulis Rektor terlebih dahulu yang diberikan selepas mendapat persetujuan Menteri; dan

- (b) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Rektor,

menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar bagi menggalakkan sesuatu objektif atau kepentingan tertentu dalam Akademi.

(2) Peruntukan dalam Jadual Kedua, kecuali perenggan 1 dan 7, hendaklah terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu bagi sebuah badan pelajar di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi JPP.

Pembubaran JPP dan badan pelajar lain

20. (1) Rektor boleh, menurut budi bicara rautlaknya, tanpa memberikan apa-apa sebab baginya—

- (a) menggantung atau membubarkan JPP atau mana-mana badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 19; dan
- (b) memberikan apa-apa arahan atau petunjuk yang berbangkit atau mengambil apa-apa langkah berbangkit sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk menguatkuasakan penggantungan atau pembubaran itu.

(2) Penggantungan atau pembubaran JPP atau sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 19 —

- (a) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta apabila dibuat keputusan untuk menggantung atau membubarkan JPP atau badan pelajar itu; dan
- (b) adalah muktamad.

Larangan penyekutuan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dengan persatuan, dsb., kecuali yang diluluskan oleh Menteri

21. (1) Tiada seorang pun, semasa dia menjadi seorang pelajar, boleh menjadi anggota, atau boleh dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang—

- (a) sama ada ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang atau tidak;

- (b) sama ada ia di dalam atau di luar Akademi; dan
- (c) sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia,

kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta ini, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri.

(2) Tiada pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, boleh mempunyai apa-apa gabungan, penyekutuan, atau apa-apa urusan lain dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang —

- (a) sama ada ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang atau tidak;
- (b) sama ada ia di dalam atau di luar Akademi; dan
- (c) sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia,

kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta ini, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri.

(3) Tiada seorang pun, semasa dia menjadi seorang pelajar dan tiada pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, boleh menyatakan atau melakukan apa-apa pun yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan—

- (a) sokongan, simpati atau bangkangan kepada mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja; atau
- (b) sokongan atau simpati kepada mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Larangan pemungutan wang oleh pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar

22. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, boleh,

di dalam atau di luar kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia—

- (a) memungut atau cuba memungut;
- (b) menggalakkan atau cuba menggalakkan apa-apa pemungutan; atau
- (c) membuat atau cuba membuat apa-apa rayuan secara lisan atau bertulis atau selainnya bagi,

apa-apa wang atau harta lain daripada mana-mana orang, yang bukan wang atau harta yang kena dibayar atau hampir kena dibayar di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau obligasi lain di sisi undang-undang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Menteri boleh, dalam apa-apa hal tertentu, menurut budi bicara mutlaknyanya, memberi pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut menurut budi bicara mutlaknyanya.

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perwakilan kuasa, Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah subseksyen (3) kepada Rektor berkenaan dengan pemungutan wang di dalam kampus daripada orang di dalam kampus, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu.

(5) Peruntukan seksyen ini adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemungutan rumah ke rumah dan di jalan, pemungutan awam, atau pemungutan wang atau jualan lencana.

Liabiliti jenayah pemegang jawatan, dsb., dalam pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar

23. (1) Jika apa-apa kesalahan dilakukan di bawah Akta ini —

- (a) sama ada mana-mana orang telah disabitkan berkenaan dengannya atau tidak; dan

- (b) kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang ditubuhkan oleh, di bawah atau menurut Akta ini;

tiap-tiap pemegang jawatan dalam pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu dan tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar tersebut pada masa kesalahan itu dilakukan hendaklah disifatkan sebagai bersalah raelakukan kesalahan tersebut dan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang, melainkan dia membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya dan dia telah melaksanakan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pemegang jawatan, atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang dirujuk dalam subseksyen (1) boleh didakwa di bawah seksyen ini walaupun dia mungkin tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan tersebut.

(3) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini ke atas seseorang pemegang jawatan, atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang dirujuk dalam subseksyen (1), apa-apa dokumen yang ditemui dalam pemilikan mana-mana pemegang jawatan, atau orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan tersebut, atau dalam pemilikan seseorang anggota pertubuhan, badan atau kumpulan tersebut, adalah menjadi keterangan *prima facie* tentang kandungannya bagi maksud membuktikan bahawa apa-apa jua telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Anggapan

24. Dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini—

- (a) adalah tidak perlu bagi pendakwaan itu membuktikan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang memiliki sesuatu nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau biasanya dikenali dengan sesuatu nama tertentu;

- (b) jika apa-apa buku, akaun, penulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi atau yang berhubungan dengan, atau berupa sebagai berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang, ditemui dalam pemilikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu adalah anggota pertubuhan, badan atau kumpulan tersebut dan pertubuhan, badan atau kumpulan tersebut hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, wujud pada masa buku, akaun, penulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran itu dijumpai sedemikian; dan
- (c) jika apa-apa buku, akaun, penulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi atau yang berhubungan dengan, atau berupa sebagai berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang ditemui dalam pemilikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan jenayah atau yang terhadapnya kesalahan jenayah dibuktikan

25. (1) Jika seseorang pelajar itu dipertuduh dengan suatu kesalahan jenayah—

- (a) dia boleh, dengan serta-merta selepas itu digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan
- (b) dia tidak boleh, jika digantung sedemikian di bawah perenggan (a), sementara menunggu keputusan presideng jenayah itu, berada di dalam atau memasuki kampus Akademi.

(2) Jika mahkamah mendapati bahawa pertuduhan atas suatu kesalahan jenayah dibuktikan terhadap seseorang pelajar—

- (a) pelajar itu hendaklah, dengan serta-merta selepas itu terhenti menjadi seorang pelajar; dan
- (b) pelajar itu, dengan serta-merta selepas itu tidak boleh berada di dalam atau memasuki kampus Akademi.

(3) Seseorang pelajar yang ditahan atau yang tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri—

- (a) hendaklah, dengan serta-merta selepas itu, berhenti menjadi pelajar; dan
- (b) tidak boleh, dengan serta-merta selepas itu, berada di dalam atau memasuki kampus Akademi .

(4) Seseorang pelajar yang berhenti menjadi pelajar di bawah subseksyen (2) atau (3) tidak boleh, selepas pembuangan itu, diterima masuk sebagai pelajar Akademi tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri, dan jika Menteri memberikan kebenaran tersebut, Menteri boleh mengenakan terma dan syarat tertentu yang difikirkannya patut dikenakan menurut budi bicara mutlakny.

(5) Mana-mana orang —

- (a) yang berada di dalam, atau memasuki kampus Akademi berlawanan dengan subseksyen (1), (2) atau (3); atau
- (b) yang dapat masuk ke Akademi berlawanan dengan subseksyen (4),

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(6) Subseksyen (1), (2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi seseorang walaupun mungkin terdapat apa-apa permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain olehnya atau oleh mana-mana orang lain yang belum selesai di mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain yang berhubungan dengan prosiding jenayah, tahanan, atau perintah yang mengenakan sekatan, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa apabila keputusan dibuat bagi permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain, Menteri boleh, atas budi bicara mutlakny, mengambil kira keputusan tersebut dan memberikan pengecualian kepada pelajar itu daripada pemakaian subseksyen (1), (2), (3), (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan menurut budi bicara mutlakny.

(7) Menteri boleh, pada bila-bila masa, dalam apa-apahal tertentu, atas budi bicara mutlakny, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), (2), (3), (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada—

- (a) tanpa syarat;
- (b) mengikut terma dan syarat tertentu; atau
- (c) bagi apa-apa tempoh,

yang difikirkannya patut menurut budi bicara mutlakny.

Kuasa Lembaga untuk menggantung atau membuang pelajar daripada Akademi

26. (1) Lembaga boleh—

- (a) apabila representasi dibuat oleh Akademi; dan
- (b) setelah mendengar pelajar tersebut,

jika berpuas hati bahawa adalah wajar berbuat sedemikian demi kepentingan Akademi, memberi perintah secara bertulis supaya mana-mana pelajar—

- (i) digantung daripada menjadi pelajar bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga dalam perintah itu; atau
- (ii) dibuang daripada Akademi,

dan pelajar itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu digantung atau dibuang, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang pelajar yang berkenaan dengannya Lembaga telah memberi perintah secara bertulis di bawah subseksyen (1) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah itu, merayu kepada Menteri bagi pembatalan atau perubahan perintah itu.

(3) Menteri boleh memberi keputusan berkenaan dengan apa-apa rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkan patut dan sesuai, dan keputusan itu adalah muktamad.

(4) Sesuatu perintah untuk menggantung seseorang pelajar di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, dilanjutkan kepada tempoh tertentu sebagaimana yang Lembaga nyatakan berkenaan dengan setiap perlanjutan itu.

(5) Seseorang pelajar—

- (a) yang digantung daripada menjadi pelajar; atau
- (b) yang dibuang daripada Akademi,

di bawah subseksyen (1), tidak boleh, dalam masa penggantungan itu, atau selepas pembuangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berada di dalam atau memasuki kampus Akademi kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga, dan jika Lembaga memberi kebenaran tersebut, Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang ia, atas budi bicara mutlaknyanya, fikirkan patut dikenakan.

(6) Seseorang pelajar yang dibuang daripada Akademi di bawah subseksyen (1) tidak boleh, selepas pembuangan itu, diterima masuk sebagai pelajar Akademi tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga, dan jika Lembaga memberi kebenaran tersebut, Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang ia, atas budi bicara mutlaknyanya, fikirkan patut dikenakan.

(7) Seseorang pelajar—

- (a) yang berada di dalam atau memasuki kampus Akademi berlawanan dengan subseksyen (5); atau
- (b) yang dapat masuk menjadi pelajar Akademi berlawanan dengan subseksyen (6),

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI KEWANGAN **Penubuhan**

Kumpulan Wang

27. (1) Bagimaksud Aktaini, suatu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang akan ditadbir dan dikawal oleh Lembaga ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;

- (b) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dipinjamkan dari semasa ke semasa kepada Akademi oleh Kerajaan;
- (c) apa-apa hadiah sukarela kepada Akademi;
- (d) wang yang diperoleh melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, subsidi, pajakan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Akademi;
- (f) wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, subsidi, pajakan, gadai janji, gadaian yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Akademi; dan
- (g) segala jumlah wang atau harta lain yang boleh mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar atau terletak hak pada Akademi berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa, fungsi dan kewajipannya.

(3) Semua wang yang dibayar kepada Akademi hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Akademi untuk semua atau mana-mana tujuan Akademi menurut anggaran yang diluluskan oleh Menteri.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

28. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga dan Rektor untuk memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan, melaksanakan dan menunaikan kuasa, fungsi dan kewajipan mereka di bawah Akta ini demi memastikan bahawa jumlah hasil Akademi, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 33, cukup untuk membayar semua jumlah yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Kuasa untuk melabur

29. (1) Akademi boleh melabur dalam sekuriti Kerajaan atau sekuriti lain sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri Kewangan, wang Kumpulan Wang, yang tidak diperlukan serta-merta untuk perbelanjaan semasa, dengan kuasa dari semasa ke semasa untuk mengubah apa-apa pelaburan,

tertakluk kepada kebenaran secara bertulis terlebih dahulu oleh Menteri Kewangan diperoleh berkenaan dengan apa-apa perubahan berikutan apa-apa pelaburan dalam sekuriti yang lain daripada sekuriti Kerajaan.

(2) Akademi boleh menyimpan, sama ada dalam deposit tetap atau akaun semasa, apa-apa wang yang tidak dilaburkan buat sementara waktu di mana-mana bank di Malaysia yang memegang lesen yang sah di bawah peruntukan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] atau Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] dan diberi kelulusan terlebih dahulu secara bertulis bagi maksud ini oleh Menteri.

Anggaran tahunan

30. (1) Rektor hendaklah, tidak lewat daripada bulan April setiap tahun, membentangkan di hadapan Lembaga anggaran terperinci hasil dan perbelanjaan Akademi, termasuklah perbelanjaan modal, bagi tahun kewangan yang berikutan.

(2) Anggaran tersebut hendaklah mengandungi semua butiran sebagaimana yang Lembaga perlukan dan hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, atau sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah yang dibuat di bawah seksyen 42.

(3) Satu salinan anggaran tersebut hendaklah dihantar kepada setiap anggota Lembaga tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat yang dalamnya anggaran itu akan dibentangkan.

(4) Lembaga hendaklah menimbangankan anggaran yang dikemukakan itu dan hendaklah menyetujui anggaran itu sama ada tanpa perubahan atau tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ia fikirkan patut, dan perubahan itu boleh termasuk penambahan, pengubahsuaian atau penolakan mana-mana butiran yang tertera dalam anggaran itu.

(5) Lembaga boleh, sebelum menyetujui anggaran di bawah subseksyen (4), merujuk balik mana-mana butiran kepada Rektor untuk dipertimbangkan semula oleh beliau.

(6) Anggaran tersebut sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga hendaklah dikemukakan kepada Menteri, yang boleh menolak atau mengubah anggaran tersebut atau mana-mana bahagiannya, atau mengubah mana-mana butirannya, atau menambah mana-mana butirannya, atau menolak mana-mana butiran daripadanya.

(7) Jika peruntukan kewangan tambahan diperlukan dalam mana-mana tahun, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, pada tahun tersebut menyebabkan anggaran tambahan disediakan oleh Rektor dan dikemukakan kepadanya.

(8) Tiap-tiap anggaran tambahan tersebut hendaklah dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Lembaga, dan dikemukakan kepada Menteri, yang akan menanganinya seolah-olah anggaran tambahan itu adalah anggaran tahunan asal.

(9) Sesuatu anggaran tambahan yang disediakan di bawah seksyen ini hendaklah menunjukkan sumber yang daripadanya perbelanjaan tambahan yang ditunjukkan dalam anggaran tambahan itu akan dibayar.

(10) Akademi tidak boleh melakukan perbelanjaan melainkan dengan mengikut anggaran atau anggaran tambahan yang diluluskan oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa Lembaga boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian daripada wang yang diuntukkan —

- (a) kepada satu butiran perbelanjaan tahunan berulang kepada suatu butiran perbelanjaan tahunan berulang yang lain; atau
- (b) kepada satu butiran perbelanjaan modal kepada suatu butiran perbelanjaan modal yang lain.

(11) Anggaran tahunan dan anggaran tambahan hendaklah menunjukkan dalam bahagian yang berasingan, perbelanjaan tahunan berulang dan perbelanjaan modal Akademi.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

31. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Akademi.

Pengenaan surcaj

32. (1) Seseorang yang merupakan atau pernah menjadi kakitangan Akademi boleh disurcaj jika didapati oleh Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya adalah atau pernah menjadi tanggungjawabnya;

- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Akademi;
- id) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Akademi, wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Akademi.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcaj di bawah subseksyen (1), menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcaj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh—

- (a) dalam hal perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan nilai, atau kerugian, pada wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Akademi; dan
- (b) dalam hal perenggan (1)fd) dan (e), mensurcajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcaj itu berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (3).

(5) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik mana-mana surcaj yang berkenaan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu.

(6) Amana mana-mana surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (3) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (5) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Akademi daripada orang yang disurcaj itu dan boleh dituntut dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Akademi dan boleh juga jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga melalui potongan —

(a) daripada gaji orang yang disurcajkan; atau

(b) daripada pencen orang yang disurcajkan,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu per empat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

(7) Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Rektor, keanggotaan Lembaga bagi maksud subseksyen (1) hingga (6) tidak termasuk Rektor.

(8) Bagi maksud perenggan (1)(d), "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap kakitangan Akademi yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Akademi, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan membayar, atau yang sebenarnya membayar apa-apa wang itu, dan tiap-tiap kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk menerima, menjaga atau melupuskan, atau mengakaunkan apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta Akademi atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta itu.

BAHAGIAN VII

AMKuasa

Menteri untuk memberikan arahan

33. Menteri boleh mengeluarkan arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan tersebut.

Kuasa Menteri untuk mewakilkan

34. (1) Menteri boleh, tertakluk kepada syarat, batasan atau sekatan yang ditetapkan olehnya, mewakilkan kepada Lembaga untuk menjalankan, atau melaksanakan mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Perwakilan kuasa di bawah seksyen ini—

- (a) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri; dan
- (b) tidak menghalang Menteri daripada menjalankan, menunaikan atau melaksanakan kuasa, kewajipan atau fungsi yang diwakilkan itu dalam apa-apa perkara yang dianggap wajar baginya untuk berbuat demikian.

Konvokesyen

35. Konvokesyen bagi penganugerahan kelayakan akademik dan profesional atau anugerah, diploma, sijil dan lain-lain kecemerlangan akademik hendaklah diadakan setiap tahun, atau sekerap yang diarahkan oleh Rektor, pada tarikh sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

36. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Akademi atau terhadap Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga, atau terhadap Rektor, atau terhadap mana-mana pegawai, anggota kakitangan atau ejen Akademi berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau dibuat olehnya, mengikut mana-mana yang berkenaan atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

37. Semua anggota Lembaga, Rektor, pegawai, anggota kakitangan atau ejen Akademi semasa menunaikan kewajipan raereka atau melaksanakan fungsi mereka atau menjalankan kuasa mereka hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Obligasi menyimpan rahsia

38. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah, seseorang anggota Lembaga, atau Rektor, atau seseorang pegawai atau anggota kakitangan atau ejen Akademi tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Akademi.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Prosiding sivil

39. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, dalam prosiding sivil oleh atau terhadap Akademi—

- (a) mana-mana orang yang memegang jawatan Peguam Persekutuan dan diberi kuasa oleh Peguam Negara bagi maksud itu; atau
- (b) mana-mana pegawai Akademi yang diberi kuasa bagi maksud itu melalui arahan khas atau am Rektor,

boleh, bagi pihak Akademi, memulakan, menghadiri dan mengendalikan prosiding itu dan boleh membuat dan melakukan semua kehadiran, tindakan dan permohonan berkenaan dengan prosiding itu.

Perbuatan atau peiinggalan yang dilakukan dengan suci hati

40. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) anggota Lembaga;

- (c) Rektor;
- (d) Timbalan Rektor;
- (e) Pendaftar;
- (f) Bendahari;
- (g) Lembaga Pengajian;
- (h) anggota Lembaga Pengajian;
- (i) kakitangan Akademi; dan
- (j) seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak mana-mana badan atau orang di bawah perenggan (a) hingga (i),

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam menjalankan atau menunaikan kuasa atau kewajibannya di bawah Akta ini dengan kepercayaan munasabah bahawa ia adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya.

Penyampaian

41. (1) Penyampaian apa-apa notis di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah dilaksanakan melalui pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari selepas hari notis tersebut sepatutnya telah sampai melalui perjalanan biasa pos.

(2) Jika orang yang kepadanya dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya dimaklumkan secara lisan atau bertulis tentang hakikat bahawa terdapat surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan, cuai atau gagal untuk mengambil surat berdaftar itu, maka notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh dia dimaklumkan sedemikian.

Kuasa Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah

42. (1) Lembaga boleh membuat segala kaedah-kaedah sebagaimana yang perlu bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Secara khusus, dan tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), kaedah itu boleh memperuntukkan bagi semua atau mana-mana daripada perkara berikut, iaitu —

- (a) penyediaan, audit dan pengemukaan kepada Menteri, anggaran, belanjawan, pernyataan dan penyata;
- (b) fungsi dan kewajipan kakitangan;
- (c) penetapan prinsip-prinsip yang berkenaan dengan penganugerahan kelayakan akademik dan professional, pengiktirafan atau anugerah, diploma, sijil dan lain-lain kepujian akademik yang hendak dianugerahkan oleh Akademi;
- (d) syarat-syarat kemasukan dan kebajikan pelajar;
- (e) tata tertib pelajar Akademi, termasuk menetapkan kesalahan tata tertib, hukuman tata tertib dan tatacara bagi prosiding tata tertib;
- (f) borang-borang yang diperlukan bagi maksud Akta ini;
- (g) apa-apa perkara dalam kuasa Akademi di bawah seksyen 5 atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini.

Pindaan Jadual

43. Menteri boleh dari semasa ke semasa meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VIII

PERALIHAN Pembatalan

pendaftaran Akademi Seni Kebangsaan

44. Pendaftaran Akademi Seni Kebangsaan di bawah seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] adalah dibatalkan.

Pemindahan kuasa, hak, kewajipan, dsb.

45. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, semua kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau obligasi yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah bagi Akademi Seni Kebangsaan, hendaklah, mulai daripada tarikh itu, diturunkan kepada Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Pemindahan hakmilik harta

46. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini mana-mana tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dipegang milik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diduduki oleh Akademi Seni Kebangsaan, hendaklah pada tarikh itu, menurut kuasa Akta ini berpindah kepada dan terletak hak kepada Akademi tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dan kepada apa-apa arahan Menteri, semua harta dan aset selain daripada tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan terletak hak—

- (a) pada Kerajaan Malaysia bagi pihak Akademi Seni Kebangsaan; atau
- (b) pada mana-mana orang bagi pihak atau berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan;

hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini.

(3) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa mana-mana harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, digunakan bagi maksud yang selepas tarikh itu menjadi maksud Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Akademi.

Kontrak sedia ada

47. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dan kepada apa-apa arahan Menteri, segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta yang dipindah milik di bawah seksyen 46 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah, sebagai ganti Akademi Seni Kebangsaan atau Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan, Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini telah dinamakan di dalamnya dan menjadi pihak kepadanya.

Penerusan prosiding sivil dan jenayah

48. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau apa-apa kausa tindakan yang belum selesai atau wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan oleh atau terhadap—

- (a) Akademi Seni Kebangsaan;
- (b) Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan; atau
- (c) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Akademi Seni Kebangsaan,

boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Akademi sebagaimana yang ia mungkin telah diambil oleh atau terhadap masing-masing yang tersebut seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh yang ditetapkan terhadap sesuatu keputusan yang diberi dalam mana-mana prosiding guaman sebelum tarikh itu yang kepadanya Akademi Seni Kebangsaan, Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Akademi Seni Kebangsaan bolehlah dibawa oleh atau terhadap Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Pemindahan kumpulan wang

49. (1) Segala wang dalam, kepunyaan atau yang kena dibayar kepada kumpulan wang Akademi Seni Kebangsaan atau Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan, hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak hak pada Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 27 Akta ini.

Penerusan pegawai dan kakitangan

50. (1) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan telah diambil khidmat sebagai pegawai atau kakitangan Akademi Seni Kebangsaan hendaklah, pada tarikh itu, disifatkan telah diambil khidmat oleh Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini seolah-olah

Akademi tersebut telah wujud terdahulu daripada tarikh itu sepanjang perkhidmatan pegawai atau kakitangan tersebut di Akademi Seni Kebangsaan.

(2) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan telah diambil khidmat sebagai pegawai atau kakitangan Akademi Seni Kebangsaan hendaklah, pada tarikh itu, diambil khidmat sebagai pegawai atau kakitangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Akademi yang ditubuhkan oleh Akta ini atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

Pelajar

51. Semua orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah pelajar Akademi Seni Kebangsaan hendaklah, pada tarikh itu, disifatkan sebagai pelajar Akademi.

Presiding tatatertib yang belum selesai

52. Semua presiding tatatertib yang, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, belum selesai terhadap mana-mana pelajar Akademi Seni Kebangsaan boleh, pada atau selepas tarikh itu, diteruskan terhadap pelajar itu oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi Akademi di bawah Akta ini.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 8]

Hilang kelayakan

1. Seseorang itu akan hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi anggota Lembaga —

(a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

- (iii) kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap; atau
 - (c) jika dia didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menguruskan ha]-ehwalnya.

Pemberhentian daripada menjadi anggota

2. Seseorang anggota Lembaga hendaklah terhenti daripada menjadi anggota—
 - (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau
 - (b) jika pelantikannya dibatalkan.

Peletakan jawatan

3. Seseorang anggota Lembaga boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan memberi notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi.

Pengisian kekosongan

4. Jika mana-mana orang terhenti daripada menjadi anggota Lembaga oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, maka seseorang lain boleh dilantik oleh Menteri untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang baginya anggota itu.

Elaun

5. Anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan kesemua mesyuarat Lembaga,
- (2) Pengerusi dan tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan satu undi setiap orang, tetapi dalam keadaan bilangan undi sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan undi pemutus sebagai tambahan kepada undi asalnya.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

7. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang menghadiri sesuatu mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang

apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak akan mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian tersebut.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Minit

8. (1) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya diterima sebagai keterangan dalam segala presiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(2) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengannya minit telah dibuat hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Penzahiran kepentingan

9. (1) Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung—

- (a) apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau pengusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau
- (b) apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat kepentingan dan jenis kepentingannya.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan tindakan dan prosiding

10. Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran perenggan 9 oleh anggota Lembaga;
atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakaturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Pemilihan JPP

1. Dalam memilih suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, pelajar dalam setiap bidang tertentu hendaklah memilih, melalui undi sulit yang dijalankan oleh Rektor, apa-apa bilangan pelajar yang sama yang belajar dalam bidang masing-masing untuk menjadi wakil dalam JPP sebagaimana yang ditentukan oleh Rektor; dan pembahagian pendidikan yang diadakan di Akademi kepada pelbagai bidang pengajian bagi maksud perenggan ini hendaklah dibuat oleh Rektor.

Pemegang jawatan JPP

2. JPP hendaklah memilih daripada kalangan anggotanya—

- (a) seorang Presiden;
- (b) seorang Naib Presiden;
- (c) seorang Setiausaha; dan
- (d) seorang Bendahari,

yang akan menjadi satu-satunya pemegang jawatannya.

Tempoh jawatan JPP dan pemegang jawatannya

3. Anggota JPP dan pemegang jawatannya hendaklah dipilih bagi tempoh satu tahun.

Keputusan secara undi majoriti

4. Keputusan JPP hendaklah diambil dengan undi majoriti dengan tidak kurang dua pertiga daripada anggota yang hadir dan mengundi.

Jawatankuasa *ad hoc*

5. JPP boleh membentuk, dari semasa ke semasa, dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Rektor, jawatankuasa *ad hoc* dari kalangan anggotanya bagi maksud atau objektif tertentu.

Hilang kelayakan berkenaan dengan JPP

6. (1) Tiada pelajar—

- (a) yang terhadapnya presiding tatatertib belum diputuskan; atau
- (b) yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib,

boleh dipilih atau kekal sebagai anggota JPP melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Rektor.

(2) Seseorang pelajar—

- (a) yang belum lagi menduduki peperiksaan pertamanya berkenaan dengan kursus pengajiannya; atau
- (b) yang telah gagal dalam, atau yang tidak menduduki peperiksaan yang lalu yang diadakan berkenaan dengan kursus pengajiannya,

sebelum sahaja mana-mana pemilihan yang dicadangkan bagi JPP atau oleh JPP hendaklah hilang kelayakan untuk dipilih dalam pemilihan tersebut.

Objektif dan fungsi JPP

7. Objektif dan fungsi JPP adalah—

- (a) untuk membantu dan menggalakkan, tertakluk kepada arahan Rektor, pembangunan kemudahan bagi para pelajar seperti kemudahan rekreasi dan pembekalan makanan dan minuman;
- (b) untuk membuat representasi kepada Rektor tentang perkara yang berhubungan dengan keadaan yang dalamnya pelajar tinggal dan belajar; dan
- (c) untuk mengusahakan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Rektor dari semasa ke semasa.

Perbelanjaan JPP

8. (1) JPP tidak boleh-

- (a) menyenggarakan apa-apa tabung; atau
- (b) membuat apa-apa pemungutan wang atau harta daripada mana-mana sumber.

(2) Apa-apa perbelanjaan munasabah sebagaimana yang JPP diberi kebenaran terlebih dahulu secara bertulis oleh Rektor untuk dibelanjakan boleh dibayar oleh Akademi jika tuntutan bertulis yang munasabah yang disokong dengan resit dan baucer dikemukakan oleh JPP kepada, dan diluluskan oleh Rektor.

Akaun JPP

9. (1) Bendahari hendaklah menyimpan akaun JPP yang sewajarnya yang hendaklah diaudit oleh seseorang yang dilantik oleh Rektor.

(2) Suatu salinan akaun yang disimpan di bawah subperenggan (1) hendaklah dikemukakan oleh JPP kepada Rektor untuk mendapatkan kelulusan tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, iaitu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Rektor.

Mesyuarat JPP

10. (1) JPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasake semasa sebagaimana yang disifatkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha untuk menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat JPP dan minit tersebut hendaklah disahkan pada suatu mesyuarat yang berikutnya.

(2) JPP atau jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah, tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum mengadakan apa-apa mesyuarat, memberikan notis tentang tarikh dan masa mesyuarat itu dan agendanya kepada Rektor.

(3) Tiap-tiap mesyuarat JPP atau jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah diadakan hanya di tempat yang disediakan bagi maksud mesyuarat itu oleh Rektor.

(4) Rektor atau wakilnya hendaklah hadir di setiap mesyuarat JPP atau mesyuarat suatu jawatankuasa *ad hoc* JPP, melainkan jika Rektor memutuskan selainnya berkenaan dengan mana-mana mesyuarat tertentu.

Pemeriksaan rekod

11. Rekod JPP atau rekod sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah, pada setiap masa, terbuka untuk diperiksa oleh Rektor atau wakilnya.

Pertikaian tentang pemilihan

12. (1) Jika apa-apa pertikaian timbul tentang sama ada mana-mana anggota atau pemegang jawatan JPP atau tentang sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP—

- (a) telah dipilih atau dilantik dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) berhak menjadi atau kekal sebagai anggota atau pemegang jawatannya,

maka pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh Rektor atau oleh orang yang dilantik olehnya bagi maksud itu.

(2) Keputusan Rektor atau keputusan orang yang dilantik olehnya di bawah subperenggan (1) adalah muktamad.

Takrif "pelajar" bagi maksud Jadual ini

13. (1) Bagi maksud Jadual ini, "pelajar" tidak termasuk seseorang pegawai awam yang sedang mengikuti kursus pengajian di Akademi.

(2) Seseorang hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar mengikut pengertian perenggan ini —

- (a) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir bagi mana-mana kursus pengajiannya, jika dia lulus peperiksaan itu; atau

- (b) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajiannya, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehinggalah dia, selepas itu, didaftarkan semula bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang terpakai bagi seseorang pelajar berdaftar di bawah perenggan ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 dan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan iaitu tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan tafsiran.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan bagi penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan *dan fasal 3* dan kuasa Akademi dalam *fasal 5*.
4. *Fasal 6* bertujuan untuk membolehkan Akademi menubuhkan fakulti, jabatan atau pusat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
5. *Fasal 7* bertujuan untuk membolehkan Akademi menjalankan apa-apa kursus pengajian bersesama atau bersama-sama, secara gabungan, usahasama atau secara francais, dsb. dengan mana-mana Universiti, Kolej Universiti, institusi pengajian tinggi, badan profesional atau mana-mana pertubuhan, dsb. tertakluk kepada kelulusan Menteri dan kepada apa-apa terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

BAHAGIAN III

6. Bahagian III Rang Undang-Undang ini mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan kuasa Lembaga Pengarah Akademi.
7. *Fasal 8* memperkatakan tentang penubuhan Lembaga Pengarah.
8. *Fasal 9* memperkatakan tentang kuasa dan fungsi Lembaga.
9. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga.

10. *Fasal 11* mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk melantik apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau dikehendaki untuk membolehkannya menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta.

11. *Fasal 12* raempertakakan tentang penubuhan Lembaga Pengajian Akademi untuk menasihati Lembaga tentang semua perkara akademik Akademi.

BAHAGIAN IV

12. Bahagian IV Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan bagi pelantikan, kuasa dan kewajipan Rektor, Timbalan Rektor, Pendaftar dan Bendahari Akademi.

13. *Fasal 13* mengadakan peruntukan bagi pelantikan, kuasa dan kewajipan Rektor dan Timbalan Rektor Akademi. Rektor hendaklah dilantik oleh Menteri atas terma dan syarat yang akan ditentukan oleh Menteri dan hendaklah mengikat Akademi. *Subfasal 13(7)* memperuntukkan bahawa hendaklah ada seorang atau lebih Timbalan Rektor yang mana hendaklah dilantik oleh Menteri, selepas berunding dengan Rektor.

14. *Fasal 14* dan *15* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pendaftar dan Bendahari Akademi dan bagi fungsi dan kewajipan masing-masing.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan kakitangan lain termasuk kakitangan akademik yang sesuai oleh Lembaga.

BAHAGIAN V

16. Bahagian V memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pelajar.

17. *Fasal 17* memperkatakan kuasa tatatertib Rektor atau mana-mana orang yang kepadanya kuasa tersebut telah diwakilkan, ke atas pelajar dan peruntukan bagi rayuan kepada Menteri terhadap mana-mana keputusan tatatertib yang dibuat.

18. *Fasal 18* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ("JPP") Akademi dan *fasal 19* membolehkan tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar untuk menubuhkan suatu badan pelajar bagi menggalakkan sesuatu objektif atau kepentingan tertentu dalam Akademi.

19. *Fasal 20* memberikan kuasa kepada Rektor untuk membubarkan JPP atau badan pelajar lain.

20. *Fasal 21* bertujuan untuk melarang pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar daripada bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan dsb., kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Rang Undang-Undang ini atau sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri.

21. *Fasal 22* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi seorang pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar untuk memungut atau menggalakkan atau cuba untuk memungut atau menggalakkan atau membuat atau cuba membuat apa-apa rayuan bagi, apa-apa wang atau harta selain daripada wang atau harta yang kena dibayar atau hampir kena dibayar di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau obligasi lain di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, Menteri adalah diberi kuasa untuk memberi pengecualian daripada larangan ini tertakluk kepada terma dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut.

22. *Fasal 23 dan 24* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi liabiliti jenayah pemegang jawatan dan orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, dan bagi anggapan tertentu dalam pendakwaan.

23. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penggantungan seseorang pelajar yang dipertuduh dengan suatu kesalahan jenayah dan pemuangannya jika kesalahan jenayah itu dibuktikan. Walau bagaimanapun, Menteri diberi budi bicara untuk memberi pengecualian daripada peruntukan yang berhubungan dengan penggantungan dan pemuangan.

24. *Fasal 26* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk menggantung atau membuang seseorang pelajar daripada Akademi jika representasi dibuat kepada Lembaga, selepas mendengar pelajar tersebut dan Lembaga berpuas hati bahawa adalah wajar demi kepentingan Akademi untuk menggantung atau membuang pelajar itu.

BAHAGIAN VI

25. Bahagian VI Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kewangan Akademi.

26. *Fasal 27* bertujuan memperuntukkan mengenai penubuhan suatu Kumpulan Wang dan menyenaraikan kandungan Kumpulan Wang *dan fasal 28* bertujuan untuk mengenakan ke atas Lembaga dan Rektor kewajipan untuk memelihara Kumpulan Wang itu.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk membolehkan Akademi membuat pelaburan.

28. *Fasal 30* memperkatakan tentang penyediaan anggaran sementara/asias/ *31* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] terpakai kepada Akademi yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang ini.

29. *Fasal 32* memperkatakan tentang pengenaan surcaj ke atas kakitangan atau bekas kakitangan Akademi berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang tidak wajar, kekurangan dalam atau kemusnahan harta, kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod yang sewajarnya, kegagalan untuk membuat atau kelewatan dalam membuat pembayaran, di mana tiada penjelasan yang memuaskan bagi tindakan itu telah diberi. Amaun surcaj tersebut hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Akademi.

BAHAGIAN VII

30. Bahagian VII memperkatakan perkara-perkara am termasuk peruntukan di *fasal 33* dan *34* berkenaan dengan kuasa Menteri untuk memberi arahan kepada Lembaga dan kuasa Menteri untuk mewakili kepada Lembaga penjalanan atau pelaksanaan mana-mana kuasa atau fungsi Menteri di bawah Rang Undang-Undang ini.

31. *Fasal 35* bertujuan memperuntukkan perkara-perkara yang berhubungan dengan konvokesyen.

32. *Fasal 36* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Akademi atau Lembaga atau terhadap mana-mana anggota Lembaga, pegawai, kakitangan atau ejen Akademi berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau dibuat olehnya atas sifat yang sedemikian.

33. *Fasal 37* memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Lembaga, Rektor, mana-mana pegawai, anggota kakitangan atau ejen Akademi hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] semasa menunaikan kewajipannya yang sedemikian.

34. *Fasal 38* memperkatakan obligasi menyimpan rahsia yang dikenakan ke atas tiap-tiap anggota Lembaga, Rektor, mana-mana pegawai, anggota kakitangan atau ejen Akademi berkenaan dengan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Akademi dan *fasal 39* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan prosiding sivil oleh atau terhadap Akademi.

35. *Fasal 40* bertujuan untuk melindungi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Lembaga Pengarah, seseorang anggota Lembaga, Rektor, Timbalan Rektor, Pendaftar, Bendahari, Lembaga Pengajian, seseorang anggota Lembaga Pengajian, kakitangan Akademi atau mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian, yang dilakukan dengan suci hati.

36. *Fasal 41* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian dokumen dan *fasal 42* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk membuat kaedah-kaedah. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan kepada Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VIII

37. Bahagian VIII Rang Undang-Undang ini raenytakan peruntukan peralihan bagi memperuntukkan tentang peralihan daripada Akademi Seni Kebangsaan yang ditubuhkan melalui pendaftaran di bawah seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] kepada badan baru yang mana Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperbadankan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2500]